


16 - 28 FEBRUARI, 2025

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# LRT Laluan Mutiara jadi REALITI

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**SUNGAI PINANG -** Selepas penantian lebih 10 tahun, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap agar projek pembangunan Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara akan terus menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri Konurbasi Utara Semenanjung Malaysia.

Beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berkata demikian semasa berucap pada majlis pecah tanah projek rel awam moden 'sulung' negeri tersebut yang disempurna oleh Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim di tapak cadangan projek Stesen LRT Bandar Sri Pinang di sini pada 11 Januari 2025.

"Pulau Pinang sebagai Konurbasi Utara berperanan sebagai enjin utama dalam pembangunan negara manakala bandar-bandar di dalam zon promosi pembangunan dan pusat katalis mempunyai fungsi serta potensi tersendiri dalam menjana ekonomi penduduk setempat.

"Malah, Pulau Pinang sudah diketahui umum menjadi kawasan tarikan utama penduduk dalam negara termasuk penduduk dari Kedah dan Perak.

"Maka, infrastruktur setimpal termasuk pengangkutan awam yang mampan adalah wajib disediakan untuk perkasakan lagi pembangunan ekonomi negeri," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan pada majlis berkaitan.

Sehubungan itu, Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya berharap Kerajaan Persekutuan dapat mempermudah proses kelulusan beberapa cadangan mod pengangkutan awam moden lain sebagaimana disyor dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP), selepas projek LRT Laluan Mutiara ini siap dan beroperasi kelak.

*(Sambungan di muka 2).*




**KETUA Menteri dan Perdana Menteri (kanan) pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

# Semai minat terap latihan konsisten




**MOHD. Eafzayl Adriell Mohd. Eaffendy (kiri) dan Siti Nur Qurratu'aini Mohd. Aswan (kanan) menunjukkan pingat yang dimenangi dalam Kejohanan Pencak Silat Dunia di Abu Dhabi tahun lalu.**

**SUKAN** silat olahraga mungkin tidak gah seperti sukan-sukan lain yang sinonim dengan Pulau Pinang, namun sukan tempur ini tidak pernah jemu menghadirkan kejayaan.

Baru-baru ini, dua pesilat kelahiran Pulau Pinang, **MOHD. EAFZAYL ADRIELL MOHD. EAFFENDY**, Kategori 'Putera B' membawa pulang kilauan emas dari Kejohanan Pencak Silat Dunia yang berlangsung di Abu Dhabi tahun lalu.

Seorang lagi pesilat Kategori 'Puteri B', **SITI NUR QURRATU'AINI MOHD. ASWAN** membawa pulang pingat gangsa dalam kejohanan sama.

Susulan kejayaan tersebut, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** sempat bertemu dan menemu ramah jurulatih dua pesilat tersebut, **HILMI ASMAWI ZAKARIA** dan **HANIDA ZAILI JAILANI**.

Hilmi Aswami memberitahu bahawa kunci kejayaan dua pesilat muda itu adalah latihan yang konsisten.

"Latihan dijalankan tiga kali seminggu dalam dua sesi, jadi keseluruhan enam kali, pada hari Selasa, Khamis dan Sabtu di Dewan MPKK Bagan Dalam.

"Kami tidak berlatih bersama skuad Sukan Malaysia (Sukma) di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) kerana skop latihan di sini berbeza.

"Jadi kita tidak boleh sekalikan, yang di Bagan Dalam ini, remaja, pelapis, apabila cukup umur, sesuai, barulah kami akan hantar ke kem latihan di MSNPP,'' ujarnya membuka bicara ketika ditemui Buletin Mutiara pada 24 Disember 2024.

Selain inisiatif atlet yang bekerja keras serta dibantu jurulatih, Hilmi Asmawi menyatakan bahawa ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam menggalas cabaran belakang tabir kejayaan dua atlet tersebut.



**HILMI Asmawi Zakari (kanan) dan Hanida Zaili Jailani bersama trofi yang dimenangi pesilat didikan mereka.**

Bercerita mengenai pengalaman peribadi, Hilmi Asmawi yang sudah berkecimpung dalam seni persilatan sejak kecil lagi juga tidak lokek berkongsi ilmu dalam sukan ini.

"Lepas bakat dikesan, saya menjadi atlet Sukma Pulau Pinang di Terengganu dan berjaya meraih pingat gangsa, kemudian ke Melaka dan Pahang (pingat emas).

"Pada tahun 2007, saya terpilih sebagai atlet kebangsaan, sebelum itu juga pernah menang kejohanan remaja kebangsaan.

"Sebenarnya, untuk silat olahraga ini pun saya bermula agak lewat dalam umur 15 tahun sebab sistem dahulu tidak sama seperti sekarang.

*(Sambungan di muka 3).*

*(Sambungan dari muka 1).*

## Infrastruktur setimpal

"Laluan Mutiara merupakan pembangunan sistem aliran ringan berasaskan rel yang pertama, dan akan membentuk 'tulang belakang' pengangkutan awam mampan di Pulau Pinang melalui pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang," jelasnya.

Anwar, dalam ucapan perasmiannya sebelum itu antara lain berkata bahawa pentadbirannya akan terus memecut pertumbuhan infrastruktur pembangunan negara termasuk negeri Pulau Pinang.

Di samping itu, beliau yang juga Menteri Kewangan memberitahu bahawa pentadbirannya berharap Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) iaitu syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) yang diberi mandat untuk menyiapkan projek LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang dapat mengikut jadual pembangunan serta memenuhi ekspektasi rakyat khususnya penduduk tempatan.

Manakala Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook pula menyatakan bahawa pihaknya berharap projek pembinaan 'jajaran sulung' LRT Laluan Mutiara sepanjang 29.5 kilometer (km) merangkumi 21 stesen di lokasi-lokasi strategik termasuk *Silicon Island* akan meningkatkan ketersambungan dengan tren elektrik (ETS) dan terminal bas pengantara di stesen LRT dekat Penang Sentral, Butterworth.

"(Majlis pecah tanah projek LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang ini) mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memastikan projek yang dibangunkan ini selaras dengan keperluan rakyat.

"Salah satu penambahbaikan utama bagi Projek LRT Laluan Mutiara ini adalah sambungan stesen terminus dari Komtar ke *Penang Sentral*, meningkatkan kesalinghubungan penduduk di kedua-dua belah selat Pulau Pinang.

"Menerusi sambungan ke Penang Sentral, penumpang akan mendapat akses mudah ke perkhidmatan ETS dan KTM Komuter di Butterworth," ulasnya yang juga Ahli Parlimen Seremban, Negeri Sembilan.

Hadir sama, mantan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng; Pengerusi MRT Corp., Tan Sri Dr. Bashir Ahmad Abdul Majid; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Zulkifli Long, para Exco dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang lain.

# *Penang Medi-City* perkukuh hab pelancongan perubatan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN -** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Fajarbaru Builder Group Bhd. (FBG) menandatangani perjanjian pembelian serta pembangunan induk bagi pelaksanaan Projek Penang Medi-City dekat Batu Kawan.

Perjanjian ditandatangani antara Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Aziz Bakar dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Eksekutif FBG Bhd., Tan Sri Chan Kong Choy.

Majlis penandatanganan disaksikan oleh Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Melalui perjanjian tersebut, FBG Bhd. bakal membangunkan sebuah taman teknologi kesihatan, institusi kesihatan hibrid, kediaman dan pusat komersial secara berfasa di atas tanah seluas 235.8 ekar milik PDC.

Semasa menyampaikan ucaptama, Kon Yeow menyifatkan majlis penandatanganan tersebut sebagai sejarah penting yang menandakan permulaan kepada babak baharu dalam pembangunan dan inovasi di Pulau Pinang.

Menurut beliau, pembangunan Projek Penang Medi-City adalah selari dengan Visi Penang2030 dan bakal memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab utama pelancongan perubatan di Asia Tenggara serta peringkat global.




TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak (lima dari kiri) dan Ketua Menteri hadir menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Fajarbaru Builder Group Bhd. bagi membangunkan projek *Penang Medi-City,* Batu Kawan dekat sini pada 20 Januari 2025.

"Dengan gabungan kemudahan kesihatan moden dan prasarana yang canggih, *Penang Medi-City* menyokong matlamat strategik Pulau Pinang untuk mengukuhkan prasarana serta menarik pelaburan signifikan, sama ada dari dalam atau luar negara.

"Bukan sekadar projek infrastruktur, *Penang Medi-City* juga merupakan satu visi holistik yang menggabungkan aspek kesihatan, ekonomi dan kelestarian untuk memastikan masa depan yang lebih baik bagi semua pihak yang terlibat, termasuk penduduk tempatan serta komuniti global.

"Malah, projek ini turut memainkan peranan penting dalam memperbaharui dan memperkasa sektor pelancongan serta industri kesihatan di negeri ini," katanya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi pada majlis berkaitan pada 20 Januari lalu.

Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan berkata, dengan tumpuan kepada pelancongan perubatan, *Penang Medi-City* dijangka memberikan impak besar kepada ekonomi negeri.

"Kehadiran pelawat ke *Penang Medi-City* akan memberi kesan yang signifikan terhadap ekonomi tempatan, terutamanya dalam merancakkan ekosistem perniagaan dan mencipta pelbagai peluang baru.

"Justeru, projek ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada sektor kesihatan, tetapi juga membuka ruang bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk berkembang, serta menyediakan platform yang penting bagi perkembangan kemahiran dan kerjaya," ujarnya.

Kon Yeow memberitahu bahawa pebangunan *Penang Medi-City* yang merupakan sebahagian daripada Pelan Induk Pembangunan Batu Kawan yang dirangka sejak 15 tahun lalu.

"Projek ini dijangka menyediakan ribuan peluang pekerjaan baharu semasa proses pembinaan, termasuk pekerjaan berkemahiran tinggi yang bakal ditawarkan oleh operator-operator terlibat apabila siap kelak.

"Ini merupakan antara pelaburan terbesar dalam sektor swasta di Seberang Perai dan Batu Kawan," jelasnya.

Sementara itu, Kong Choy berkata Fasa 1 pembangunan *Penang Medi-City* seluas 51.17 ekar dijangka menyumbang kepada Keluaran Negara Kasar (KDNK) bernilai RM2 bilion.

"Seluas 15.3 ekar daripadanya akan diperuntukkan untuk komponen penjagaan kesihatan, termasuk sebuah hospital dengan 200 katil yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan perubatan moden dan holistik.

"Baki 35.8 ekar lagi akan diperuntukkan untuk pembangunan kediaman dan komersial, yang menyokong visi untuk mewujudkan sebuah pusat pembangunan yang dinamik di Batu Kawan.

"Secara keseluruhan, tidak kurang daripada empat buah hospital dalam pelbagai disiplin termasuk kesihatan jantung, onkologi, wanita dan kanak-kanak serta lain-lain akan dibangunkan di *Penang Medi-City*," katanya.

*(Sambungan dari muka 2).*

# Ibu bapa main peranan penting

"Masa itu, tidak ada sistem pencarian bakat seperti hari ini," jelasnya yang sudah berkecimpung hampir 13 tahun dalam arena kejurulatihan silat olahraga.

Mengulas mengenai pencarian bakat, Hilmi Asmawi menekankan bahawa minat perlu ada dalam diri mereka yang ingin bergelar pesilat.

"Kita perlu semai dahulu minat terhadap seni mempertahankan diri warisan ini kepada mereka, bukan senang nak bertahan dan mahir dalam seni silat kerana ia juga dikenali sebagai sukan yang agak 'keras'.

"Namun, setelah ada minat mendalam barulah kita terapkan latihan yang sebenar, sebab masa ini mereka sudah boleh terima latihan lasak kerana minat sudah ada.

"Ini akan melibatkan pengkhususan, bahagikan corak latihan mengikut usia yang sesuai dengan kemampuan," ulasnya yang mempunyai kira-kira 50 pelatih aktif.

Dalam pada itu, bercakap mengenai cabaran, Hanida Zaili menekankan kejohanan kekurangan kejohanan di negeri-negeri utara Semenanjung berbanding zon selatan dan tengah.

"Selain itu, sokongan ibu bapa juga memainkan peranan besar dan itupun menjadi cabaran kalau tidak ada sokongan.

"Di utara berbeza, kejohanan silat kurang kalau nak sertai kena *'travel'* jauh bawa budak-budak, kos makan, penginapan lagi perlu kita fikirkan.

"Ia sama sekali berbeza dengan sukan *muay thai* yang lebih mendapat tempat, itu pada pandangan saya," katanya.

Bagi Hanida Zaili, kepentingan perbanyakkan kejohanan turut berfungsi untuk membuka mata ibu bapa tentang 'keindahan' seni silat itu sendiri.

Sementara itu, menyentuh tentang harapan, Hanida Zaili mahu semua pihak berkepentingan sama ada kerajaan mahupun bukan kerajaan untuk sama-sama memikirkan soal menambah bakat muda sedia ada.

"Harapan saya adalah pembangunan dapat



PESILAT-pesilat cilik dan awal remaja sedang dipersiapkan sebagai pelapis negeri Pulau Pinang.

dilaksanakan lebih lancar sekiranya penyaluran dana dapat disalurkan untuk perbanyakkan tempat latihan, fasiliti, pengambilan jurulatih-jurulatih muda dan jangan sekat kemasukan di sekolah," tambahnya.

Bagi Hilmi Asmawi pula, beliau lebih menghalakan harapan agar ibu bapa membenarkan anak-anak mereka terlibat dalam silat.

"Harapan saya, supaya ibu bapa akan lebih terbuka pemikiran mereka menerima silat yang bukan sahaja sebagai seni mempertahankan diri tetapi juga elemen kesihatan dan kecergasan.

"Kita faham mungkin ada yang tengok anak balik sakit-sakit, lebam, dia mula susah nak lepaskan anak dia untuk teruskan," ulasnya lanjut.

# Silambam sumbang 12 pingat emas



BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama pasukan silambam sejurus tiba di LTAPP baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

WALAUPUN sasaran awal hanya enam emas, namun atlet silambam Pulau Pinang yang membawa cabaran kebangsaan di Doha, Qatar berjaya membawa pulang 12 pingat emas pada Kejohanan Silambam Terbuka Asia pada 27 Disember 2024.

Kepulangan enam atlet tersebut menerima sambutan 'wira' di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) yang diketuai oleh Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen.



DANIEL Gooi Zi Sen.

Wira dan wirawati tersebut terdiri daripada **R. SHASTHIVEENA**, 16; **R. MOGANA**, 16; **B. KAVITHIRA**,15; **B. DARNISHA**, 15; **V. K. RANISHAA**, 15; **K. LEENASSHREE**, 14, dan **R. PRAKASH**, 30, bagi Kategori Terbuka.

Presiden Persatuan Silambam Malayisa (MSA), **DR. M. SURAESS** berkata bahawa skuad silambam pada awalnya berdepan cabaran apabila dua daripada atletnya mengalami kecederaan sebelum kejohanan bermula.

"Sungguhpun mengalami kecederaan, mereka tidak patah semangat dan tetap berjuang, lebih bertuah lagi apabila enam orang atlet kita berjaya membawa pulang 12 pingat emas.

"Fokus kita sekarang adalah untuk persediaan kejohanan silambam pada peringkat antarabangsa tahun 2025 yang mana Pulau Pinang akan menjadi tuan rumah.

"Kerja keras atlet kita juga dilihat berbaloi, berlatih lima kali seminggu sehingga membolehkan dua kategori iaitu seni dan kombat membawa kejayaan kepada kita," ujarnya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui di LTAPP pada 31 Disember 2024.

Hadir sama, Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo; Ahli Parlimen Jelutong merangkap Pengerusi Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang (PHEB), R.S.N Rayer; Senator merangkap Timbalan Pengerusi PHEB, Dr. A. Lingeshwaran serta Ahli Pesuruhjaya PHEB, Datuk J. Dhinagaran dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua.

Zi Sen ketika mengulas mengenai kemenangan tersebut inginkan skuad silambam memberi fokus kepada kejohanan pada tahun ini memandangkan Pulau Pinang akan menjadi tuan rumah.

"Kita bersyukur mereka membawa satu kejayaan yang besar dari Doha, Qatar, jadi kesempatan sebagai tuan rumah kejohanan antrabangsa 2025 harap dapat digunakan sebagai satu kelebihan," ujarnya.

Sebelum berangkat ke Doha, Sundarajoo menyatakan bahawa beliau telah menyumbangkan dana sebagai sokongan kepada skuad silambam.

"Beberapa hari sebelum berangkat memang mereka ada memohon dana, jadi pemberian saya dilihat terbalas dengan kejayaan, saya berbangga atas kemenangan ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai.

Dalam pada itu, Heng Hua mahu memastikan hasrat pasukan silambam untuk mempunyai tempat latihan sendiri di Bukit Mertajam dapat direalisasikan kerana ketika ini pasukan silambam hanya menyewa premis untuk menjalani latihan di Padang Haji Ahmad Badawi, Butterworth.

"Memandangkan prestasi silambam pada Sukan Malaysia (Sukma) Sarawak tahun lalu juga memberangsangkan, maka kita harap tahun depan momentum ini dapat dikekalkan," ulasnya.

Kapten pasukan, Prakash ketika ditemui mengakui bahawa kejohanan antarabangsa pertama yang disertai pasukan bimbingannya di Selangor pada Julai dan Sukma Sarawak (Ogos) tahun lalu telah menyumbang pengalaman yang cukup berharga.

"Kami banyak belajar daripada dua kejohanan ini sebagai bekalan terbaik ke kejohanan peringkat Asia baru-baru ini terutamanya dari segi teknik.

"Cabaran sengit sudah pastinya datang daripada negara India yang mana seni silambam ini berasal.

"Menjelang tahun 2025, kami perlu berusaha lebih gigih untuk kejohanan antarabangsa di Pulau Pinang, tambahan kita sebagai tuan rumah, pasukan lain juga pasti akan tampil dengan lebih kuat untuk cuba mengalahkan kita," katanya.




BARISAN atlet silambam memperagakan pingat yang dimenangi di Doha.

# Kedai Makanan Pokok Buluh terima anugerah harga patut

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**



RASHIDI Zinol (berkemeja putih) menyampaikan sijil penghargaan kepada pemilik kedai makan harga patut yang menerima anugerah bagi Daerah Seberang Perai Tengah.

**KEDAI** Makanan Pokok Buluh dekat Bukit Mertajam dipilih sebagai premis makanan pertama di negeri ini yang menerima Anugerah Kedai Makan Harga Patut bagi Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Anugerah tersebut disampaikan oleh Exco Perdagangan dan Pembangunan Keusahawanan & Luar Bandar, Dato' Rashidi Zinol di sini pada 23 Disember 2024.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Rashidi berkata bahawa penganugerahan tersebut diberikan berdasarkan penilaian harga jualan makanan yang ditawarkan adalah berpatutan dan mampu dibeli oleh masyarakat setempat.

"Bukan itu sahaja, kedai ini juga dipilih kerana mendapat sokongan daripada masyarakat setempat, Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Bagi kerja-kerja penilaian pula, kita serahkan kepada pejabat daerah terutamanya penghulu dan kemudiannya serahkan pula kepada KPDN.

"Paling penting adalah mana-mana kedai yang ingin mendapatkan anugerah ini mestilah mendaftarkan lesen dengan MBSP dan hanya premis yang mendapat penilaian A serta B dalam aspek kebersihan sahaja yang akan dipilih," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh.

Turut hadir, Pengarah KPDN Pulau Pinang, S. Jegan; Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran MBSP, Nor Azly Ramli yang mewakili Datuk Bandar; Yang Dipertua (YDP) Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri Pulau Pinang merangkap Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia, Dato' Zainal Abidin Abdul Majid serta wakil komuniti setempat.

Rashidi memberitahu bahawa penyampaian anugerah tersebut merupakan yang pertama dan akan diperluas ke lima daerah di negeri ini pada masa akan datang.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap agar anugerah ini akan menjadi program rutin setiap dua bulan sekali, tambahan pula ia mendapat sokongan penuh daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan barisan Exco.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, kita berterima kasih kerana sekurang-kurangnya ada kedai yang boleh membantu masyarakat dengan menawarkan makanan pada harga yang berpatutan.

"Mudah-mudahan amalan murni ini menjadi ikutan oleh semua pemilik premis makanan di setiap daerah dengan menawarkan harga yang berpatutan kepada rakyat.

"Saya juga ingin berterima kasih kepada KPDN, MBSP dan Pejabat Daerah SPT kerana menyokong program pada hari ini," ujarnya.

Beliau berkata, demi mengelakkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pemilik premis makanan, pihaknya akan mewujudkan satu laman web khas berkaitan program tersebut.

"Selepas ini, peniaga-peniaga kedai makanan boleh berdaftar untuk mendapatkan anugerah dan langkah ini juga adalah untuk mengelakkan rasa tidak puas hati terhadap proses pemilihan yang dilakukan," katanya.

Buletin Mutiara turut berkesempatan menemu bual pemilik Kedai Makanan Pokok Buluh, **RUZIAH ZAINAL ABIDIN**, 55, untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perniagaan yang diusahakan.

Ruziah menyatakan bahawa Kedai Makanan Pokok Buluh telah beroperasi lebih 32 tahun dengan menawarkan pelbagai juadah istimewa dengan harga yang berpatutan.

Menurut beliau, harga makanan yang ditawarkan adalah antara RM2 hingga RM8 mengikut juadah yang dipilih oleh pelanggan.

"Kami sediakan kira-kira 40 menu setiap hari tetapi yang paling istimewa di sini adalah kari kepala ikan dan ikan bakar.

"Harga yang kami tawarkan adalah berpatutan kerana kebanyakan pelanggan adalah penduduk setempat, jadi kami mahu makanan yang dijual boleh dibeli oleh semua orang," katanya.

Seiring dengan cabaran ekonomi semasa terutamanya kenaikan harga bahan mentah seperti ayam, ikan, daging dan sayuran-sayuran, Ruziah menyatakan bahawa adakalanya beliau terpaksa juga menaikkan harga makanan bagi mengelakkan kerugian.

"Kita juga pernah naikkan harga tetapi hanya beberapa kupang (sen) sahaja bagi menampung harga bahan mentah yang semakin meningkat saban tahun.

"Namun begitu, sekiranya harga bahan mentah menurun, kami juga akan turunkan harga makanan mengikut kesesuaian semasa," jelasnya sambil menambah bahawa bahan mentah yang diperoleh kebanyakan adalah dari Pasar Awam Bukit Mertajam.

Mengulas lanjut, sehingga kini beliau telah menggajikan seramai 10 pekerja termasuk lapan anggota keluarganya sendiri.

"Perniagaan ini pada asalnya milik keluarga suami dan selepas berkahwin, kami telah mengambil alih perniagaan ini sepenuhnya.

"Selepas suami saya, Anuar Mat Yusof meninggal dunia pada tahun 2019, tugas memasak yang sebelum ini dilakukan oleh arwah kini diambil oleh anak lelaki kedua saya, Muhammad Taufiq Anuar," ujarnya.

Menyentuh mengenai anugerah yang diterima, Ruziah memberitahu bahawa beliau sangat terharu dengan penghargaan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri.

"Terima kasih juga kepada YB (Yang Berhormat) Rashidi Zinol dan semua pihak yang telah memilih Kedai Makanan Pokok Buluh sebagai penerima anugerah ini.

"Anugerah ini pastinya akan membuatkan kami lebih bersemangat untuk meneruskan perniagaan dengan menawarkan harga yang berpatutan kepada pelanggan," katanya mengakhiri bicara.




**RUZIAH Zainal Abidin (kiri) dan Muhammad Taufiq Anuar menunjukkan penganugerahan yang diterima.**

# Jagung Manis Kampung Perlis

## hobi jadi bisnes



NOOR Izzati Ismail dengan hasil tanamannya.



RUPA bentuk jagung manis dan sedap!

PANDEMIK COVID-19 yang tidak disangka-sangka terjadi pada tahun 2020 sedikit banyak menjejaskan pelbagai sektor ekonomi rakyat.

Antaranya, keadaan ekonomi yang kian mencabar dalam tempoh itu telah mengakibatkan ramai rakyat hilang mata pencarian atau kerjaya.

Pada 2021 yang dikatakan sebagai pemula tahun pemulihan itu, menjadi waktu mendesak buat **NOOR IZZATI ISMAIL**, 34, dan suami untuk meneruskan hidup.

Di Kampung Perlis dekat Parlimen Balik Pulau, pasangan muda berkenaan mengambil keputusan memajak sebidang tanah seluas 1.8 ekar untuk penanaman jagung manis.

Cerita kejayaan Noor Izzati memasarkan 'Jagung Manis Kampung Perlis Balik Pulau' turut menggamit perhatian wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** untuk menjejaki peladang muda berkenaan.

Semasa ditemui baru-baru ini, mulanya beliau enggan ditemu ramah lanjut.

Namun, selepas dipujuk, akhirnya Noor Izzati berkongsi kisah beliau dan suami menjadi peladang muda sepenuh masa.

"Arwah bapa kepada suami saya adalah seorang petani di Kampung Perlis ini, apabila saya kahwin dengan anak petani, tidak banyak sedikit mesti didedah juga cerita berbudi kepada tanah ini.

"Mula-mula, saya memang berkongsi hobi bertani ini dengan suami saya, selepas timbul minat.

"Kami dah mula tanam jagung manis ini sejak tahun 2021 lagi iaitu pasca pandemik COVID-19," jelasnya.

Waktu sesi temu ramah berlangsung di sini, Noor Izzati memberitahu bahawa pihaknya baru sahaja menuai hasil jagung.

Jadi, tidak banyak, beberapa tongkol berbaki yang baru dipetik dari pokok dekat ladang tersebut, diberikan kepada wartawan dan jurugambar Buletin Mutiara.

Menurut Noor Izzati, Jagung Manis Kampung Perlis Balik Pulau boleh dimakan mentah kerana rasanya yang manis.

Bercerita lanjut, Izzati memberitahu bahawa pada 31 Disember dan 1 September 2024 dua pekerjanya baru sahaja menanam semula pokok jagung di atas tanah ladang seluas 1.8 ekar di sini.

"Selepas tanam, dalam dua minggu sekali, akan dituai hasil peladangan di sini.

"Tempoh hasil tanaman matang dan boleh dituai mengambil masa 73 hari sahaja.

"Contohnya, kalau hari ini mula tanam benih jagung manis ini, esok mula dihitung sebagai hari pertama, cukup 73 hari, jagung akan dituai.

"Selepas tuaian, batang jagung ini akan dipangkas dan dijadikan makanan untuk lembu bagi penternak desa yang lain pula di Kampung Perlis, Balik Pulau ini pula.

"Tanaman jagung diladang ini adalah secara linear atau selari, bagi tempoh 73 hari sebelum tuaian (yang mana) pertanian dilakukan sepanjang tahun," ujarnya.

Walaupun tiada musim penanaman yang khusus bagi peladangan jagung dalam setahun, Noor Izzati memberitahu bahawa aktiviti peladangan masih terdedah kepada risiko tertentu seperti serangan serangga perosak.

"Risiko terbesar adalah serangan serangga perosak seperti ulat dan kulat.

"Biasanya, pakai racun kimia sahaja sebagai langkah pencegahan," ulasnya sambil memberitahu bahawa hasil ladangnya selamat untuk dimakan.

Bercakap mengenai pemasaran hasil ladang pula, Noor Izzati memberitahu bahawa Jagung Manis Kampung Perlis Balik Pulau memang ada permintaan yang tinggi buat masa ini.

"Dari segi hasil tuaian, paling 'meletup' tahun ini.

"Semua jagung di sini memang manis, boleh cuba makan begitu sahaja pun manis... sebab itu ada permintaan yang tinggi sepanjang tahun.

"Macam baru-baru ini, saya tuai kira-kira 15,000 tongkol jagung manis.

"Ada secara pemborong dan ada secara runcit (yang mana) harga borong serta runcit sudah tentu tidak sama.

"Hasil tuaian dari ladang ini, kita gredkan - ada tiga gred (iaitu) A, B dan C.

"Harga borong ikut gred, gred A dengan harga RM1.5 setongkol; gred B RM1 setongkol dan gred C RM0.80 setongkol," kongsinya sambil memberitahu bahawa kaedah jualan secara hibrid termasuk menerusi *Facebook* dan *WhatsApp*.

Mengakhiri wawancara, Noor Izzati dalam nada berseloroh memberitahu bahawa tiada rahsia pun di sebalik kejayaan sebagai usahawan Jagung Manis Kampung Perlis Balik Pulau.

"Benih jagung manis ini, kami beli dari *Shopee* sahaja, boleh cari jenama *Crop Power* '*SS932 Asia Manis*'.

"Alhamdulillah setakat ini, ada dua orang sahaja di ladang ini.

"Biasanya, pada setiap Sabtu dan Ahad, saya dan suami akan turun ke ladang.

"Berbudi dengan tanah, sebenarnya ada hasilnya, dengan syarat kita berani berusaha dan memohon rakyat daripada Yang Maha Berkuasa (Allah S.W.T.).

"Sebelum terlupa, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan kerana kami pernah mendapat geran Program Agropreneur Muda di bawah PPK (Pertubuhan Peladang Kawasan), sebelum ini.

"Harapan kami, pada masa hadapan, peladangan ini dapat diperbesar (yang mana) kalau boleh di Kampung Perlis Balik Pulau ini juga, saya memang nak mempopularkan Jagung Manis Kampung Perlis ini sebagai salah satu ikonik dan produk pelancongan desa di Balik Pulau ini juga," ujarnya.

# Penggalak fotosintesis

## percepat proses tanaman, tingkat hasil tuaian

**SEBAGAI** sumber makanan ruji, padi merupakan tanaman penting di Malaysia. Sejak zaman berzaman, tanaman padi mengalami pelbagai peringkat transformasi baik dari segi kaedah penanaman hatta kandungan nutrisi dan penghasilan varieti baharu.

Seiring dengan kemajuan agroteknologi, penghasilan padi menggunakan kaedah konvensional dahulunya kini turut berubah. Penggunaan mekanisme dan sistem penghasilan padi secara tidak langsung telah meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Di Pulau Pinang, meskipun keluasan sawah mencecah kira-kira 12,105 hektar pada tahun 2024, hasil pengeluaran padi direkodkan tertinggi dalam negara, iaitu 5.224 tan metrik per hektar. Malah, Pulau Pinang mengekalkan rekod sebagai pengeluar padi per hektar tertinggi dalam negara selama tujuh tahun berturut-turut.

Pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kelima Belas yang lalu, Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, **FAHMI ZAINOL** mengumumkan bahawa Pulau Pinang bakal meneroka penggunaan teknologi baharu penanaman pagi menerusi Projek Solusi Penggalak Fotosintesis.

Mekanisme penggalak fotosintesis ini menjadikan proses penanaman padi lebih cekap, meningkatkan hasil yang lebih tinggi dan memberi penyelesaian mampan dalam memastikan kelangsungan bekalan beras yang mencukupi.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar **SITI NURATIKAH RAHMAT** berkesempatan menemu bual beliau untuk mendalami isu ini.

Menurut Fahmi, inovasi Penggalak Fotosintesis atau *Photosynthesis Enhancer* dihasilkan oleh penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang terbukti boleh meningkatkan hasil tuaian tanaman antara 20 hingga 30 peratus.

"Mekanisme ini adalah bagi meningkatkan kadar fotosintesis sekali gus menggalakkan pertumbuhan tanaman, menyingkatkan tempoh tuaian dan meningkatkan hasil.

"Penggunaan mekanisme ini telahpun diuji bagi penanaman padi sebelum ini dan ia menunjukkan peningkatan pengeluaran hasil antara 15 hingga 40 peratus.

"(Dan) bagi Pulau Pinang, kita menjangkakan untuk menggunakan mekanisme penggalak fotosintesis ini pada pertengahan tahun 2025 yang mana ia merupakan sebahagian kerangka dalam memastikan penghasilan padi pada tahun-tahun akan datang dapat dipertingkatkan lagi," ujarnya.

Bercerita mengenai penggalak fotosintesis, Fahmi memberitahu bahawa inovasi di dalam bentuk cecair ini akan meningkatkan kadar fotosintesis tanaman dengan mendadak.

"Secara tidak langsung dengan penggalak fotosintesis ini akan meningkatkan hasil tanaman dan memberikan pulangan hasil yang lebih baik berbanding kaedah sebelum ini.

"Jika di Pulau Pinang, hasil pengeluaran satu relung adakala boleh mencecah 5 tan metrik dan dengan penggunaan penggalak fotosintesis ini nanti, hasil pengeluaran akan dapat ditingkatkan sehingga 40 peratus bergantung pada pelbagai faktor persekitaran," katanya.

Mengulas lanjut, Fahmi memaklumkan bahawa pihaknya telah mengemukakan permohonan peruntukan projek perintis khas ini kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan secara prinsipalnya telah diluluskan.



PENGGUNAAN dron dalam proses semburan baja dan racun mampu menjimatkan masa dan tenaga kerja manusia.

"Projek perintis ini akan dilaksanakan di kawasan sawah padi terbesar di negeri ini iaitu dekat daerah Seberang Perai Utara (SPU) dahulu dan akan dipanjangkan ke kawasan lain di Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS) serta Barat Daya (BD)," katanya.

Menyentuh aspek penyertaan belia sebagai pesawah, beliau yakin bahawa mekanisme baharu menggunakan teknologi bukan sahaja mampu 'menghidupkan semula' sektor pertanian bahkan juga menarik minat agropreneur muda menceburi sektor ini.

"Misalnya dalam penanaman padi di negeri ini, penggunaan internet pelbagai benda (IoT) dan gajet moden telah membantu meningkatkan kecekapan pemantauan di sawah padi.

"Hanya dengan melihat *'dashboard'* kita dapat mengetahui pelbagai aspek termasuk ancaman dan kawalan serangga perosak, selain menggunakan dron untuk pembajaan di kawasan sawah padi.

"Saya percaya bahawa penggunaan teknologi dalam sektor pertanian ini menjadikan ia lebih berdaya maju serta berupaya mentransformasikan sektor ini.

"Pada masa sama, menarik minat golongan belia untuk sama-sama membangunkan sektor agromakanan dan pertanian pintar yang lebih lestari di negeri ini," jelasnya.

Dalam pada itu, Fahmi turut mengalu-alukan mana-mana pihak yang menghasilkan agroteknologi tampil bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Ini termasuk mana-mana negeri atau Kerajaan Persekutuan sendiri menjadikan Pulau Pinang sebagai perintis dalam penghasilan tanaman padi mahupun lain-lain jenis tanaman.

"Secara tidak langsung inilah sokongan kita (Pulau Pinang) terhadap Dasar Agromakanan Negar dalam membangunkan sektor agromakanan yang mampan dengan mengutamakan keterjaminan makanan untuk rakyat," katanya.



FAHMI Zainol.

# Empayar Mamazola kembangkan perniagaan




AZMIRA Ali menunjukkan produk makanan yang telah siap dibungkus menggunakan teknologi retort.

**PENGUSAHA** sambal tempatan, Empayar Mamazola kini melangkah setapak lagi ke hadapan dalam perniagaan makanan dengan memperkenalkan perkhidmatan retort.

Pemilik perniagaan, **AZMIRA ALI**, 46, berkata bahawa perkhidmatan tersebut disediakan dengan caj minimum RM20 bagi setiap dua kilogram (kg).

"Pada mulanya kami hanya memfokuskan pengeluaran sambal penyet, namun selepas mendapat permintaan meluas daripada pelanggan, kami memutuskan untuk menyediakan perkhidmatan ini.

"Teknologi retort adalah teknologi baru yang dapat memanjangkan hayat makanan tanpa penggunaan pengawet dan mampu tahan sehingga dua tahun.

"Kebanyakan pelanggan saya adalah terdiri daripada mereka yang mahu ke luar negara di samping peniaga-peniaga kecil yang tidak memiliki kemudahan retort untuk membungkus produk jualan mereka," katanya kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** ketika ditemui di premis perniagaannya dekat Tasek Gelugor pada 6 November 2024.

Menurut Azmira, mesin retort tersebut dibeli sendiri menggunakan geran daripada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang.

"Sebenarnya, hasrat untuk menjalankan perkhidmatan retort makanan sudah lama tapi tertangguh kerana sebelum ini saya hanya menjalankan perniagaan di rumah, risau takut mengganggu jiran tetangga.

"Jadi dengan adanya kemudahan seperti bengkel dan mesin retort, saya teruskan hasrat tersebut dan alhamdulillah, nampaknya permintaan terhadap perkhidmatan retort sangat menggalakkan.

"Boleh dikatakan hampir setiap hari ada sahaja pelanggan datang menghantar makanan mereka untuk dibungkus menggunakan teknologi retort ini," katanya yang pernah menjalani kursus retort dengan bantuan beberapa agensi kerajaan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Zakat Pulau Pinang (ZPP).



CARA pengendalian mesin retort.




MAKANAN yang dihantar oleh pelanggannya untuk diretort.

Azmira berkata, memandangkan permintaan yang semakin meningkat saban hari, beliau berhasrat untuk menambah satu lagi mesin retort bersaiz lebih besar.

"Saya sedang memohon kepada Jabatan Pertanian (Pulau Pinang) untuk mendapatkan mesin retort yang mampu menghasilkan sehingga 300 pek makanan sehari berbanding hanya 10 pek (200 gram) sahaja ketika ini.

"Pada masa sama, saya dapat membantu lebih ramai usahawan kecil yang memerlukan perkhidmatan retort untuk memasarkan produk mereka," katanya.

Menyentuh mengenai sambal penyet ikan talang yang diusahakannya, Azmira menyatakan bahawa Empayar Mamazola kini sedang memohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Semua proses dokumentasi sudah selesai dan sekarang kami sedang menunggu kelulusan daripada pihak Jakim.

"Baru-baru ini kami menyertai Halal International Selangor dan terdapat beberapa syarikat berhasrat untuk memasarkan produk sambal penyet ikan talang tetapi tidak boleh berbuat demikian kerana masih tiada sijil halal.

"Sekarang sambal penyet masih dijual di platform media sosial seperti *Facebook* dan *Tik Tok* serta beberapa premis perniagaan terpilih.

*(Sambungan di muka 15).*

# KOLCA, biskut *'legend'* yang masih diminati

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BISKUT** kolca atau lebih dikenali sebagai 'biskut *legend*' dalam kalangan masyarakat di Pulau Pinang ternyata mempunyai penggemarnya yang tersendiri.

Dihasilkan menggunakan enam bahan utama iaitu tepung, gula, garam, minyak sapi, jintan manis dan telur menjadikan biskut kolca lebih enak dimakan bersama dengan air kopi atau teh.

Baru-baru ini, Buletin Mutiara berkesempatan menemu bual pengasas biskut Kolca Evergreen, **NUR SHAHIDA ABDUL ARAFF**, 37, untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai perniagaan keluarga yang diusahakan sejak empat generasi lalu.

Nur Shahida berkata bahawa beliau yang merupakan generasi keempat telah mengambil alih perniagaan biskut Kolca Evergreen daripada datuknya yang kini berusia 95 tahun secara rasmi sejak lapan tahun lalu.

"Memandangkan datuk sudah uzur, maka saya telah mengambil peranan ini bagi meneruskan legasi perniagaan biskut Kolca Evergreen.




**NUR Shahida Abdul Araff menunjukkan biskut Kolca Evergreen yang dipasarkan di sekitar Pulau Pinang.**

"Walaupun proses penghasilan biskut kolca agak rumit tetapi disebabkan rasanya yang sedap membuatkan ia masih dicari sehingga kini.

"Hendak buat biskut kolca memang agak renyah kerana perlu melalui proses menguli tepung dan menekap yang sememangnya memerlukan banyak masa dan tenaga.

"Satu lagi, ramai orang tidak suka proses menggoreng kerana walaupun nampak senang tetapi sebenarnya agak rumit.

"Apabila minyak gorengan sudah mula berbuih, kita perlu tukar kepada minyak yang baharu bagi mengekalkan rasa biskut kolca yang sedap dan rangup," katanya memulakan bicara.

Nur Shahida memberitahu bahawa buat masa ini, penghasilan biskut *'legend'* tersebut hanya dihasilkan secara kecil-kecilan di rumah memandangkan beliau masih belum mempunyai premis perniagaan sendiri.

"Kami masih lagi menghasilkan biskut kolca ini secara kecil-kecilan kerana semua proses dilakukan secara manual, biasanya mengambil masa sehingga dua jam bagi setiap pengeluaran.

"Namun, disebabkan permintaan terhadap biskut kolca semakin tinggi kebelakangan ini, kami telah mendapatkan sebuah mesin pengadun bagi mempercepatkan proses menguli tepung sekali gus membantu meningkatkan hasil pengeluaran.

"Buat masa ini, kami hanya mampu menghasilkan kira-kira 10 hingga 12 botol biskut kolca dalam sehari.

"Pada musim perayaan pula, kami berusaha meningkatkan pengeluaran biskut kolca kepada 20 botol sehari," katanya.

Nur Shahida memberitahu bahawa ketiadaan premis perniagaan yang sesuai menyebabkan sukar untuk beliau meningkatkan pengeluaran biskut kolca bagi memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat saban hari.

"Saya pernah memohon untuk mendapatkan presmis perniagaan daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) tetapi masih tiada keputusan diterima setakat ini.

"Disebabkan kami sudah mempunyai mesin dan tenaga kerja, maka kami memang memerlukan sebuah premis perniagaan tetap bagi melancar dan meningkatkan pengeluaran biskut kolca," katanya.

Beliau berkata, walaupun diketahui sebagai biskut bermusim seperti musim perayaan dan sebagainya, tetapi kini beliau menerima permintaan biskut kolca hampir setiap hari.

"Buat masa sekarang permintaan memang sangat tinggi terutamanya melalui platform *Tik Tok* dan *Facebook.*

"Biskut kolca bukan sahaja makanan kegemaran masyarakat Melayu tetapi terdapat juga permintaan daripada orang India dan Punjabi," katanya.

Mengulas lanjut, Nur Shahida menyatakan bahawa biskut Kolca Evergreen dipasarkan di sekitar Pulau Pinang dan beberapa negeri lain seperti Kedah, Melaka, Perak, Kelantan, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor dengan harga RM35 sebotol atau bersamaan 90 biji.

"Kami juga menerima tempahan untuk sebarang majlis seperti majlis perkahwinan, keraian, perayaan dan sebagainya.

"Ada juga pelanggan kami yang menempah biskut kolca untuk dibawa ke luar negara," ujarnya yang merupakan ibu kepada seorang cahaya mata.




RUPA bentuk biskut kolca.




BISKUT yang dipasarkan.

Menutup bicara, Nur Shahida yakin biskut kolca akan terus mendapat permintaan daripada masyarakat kerana rasanya yang istimewa.

"Justeru, bagi mengembangkan lagi perniagaan biskut kolca yang turut menjadi identiti bagi negeri Pulau Pinang, saya memang memerlukan premis perniagaan sendiri.

"Saya harap pada agensi yang boleh membantu saya demi merealisasikan impian untuk mempopularkan lagi biskut kolca bukan sahaja dalam kalangan mesyarakat Pulau Pinang tetapi juga ke peringkat antarabangsa," ujarnya.

Bagi mereka yang berminat untuk merasai keenakan biskut Kolca Evergreen boleh hubungi talian 017-575 1051.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
